

# UMS alu-alukan jaringan kerjasama antara industri

Oleh S.CONNIE PEARL SUIL

conypearl09@gmail.com

UB 04-05-2012 B7

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengalu-alukan jaringan kerjasama antara industri lain dalam pelbagai aktiviti termasuk kempen derma darah.

Timbalan Naib Canselor UMS, Prof. Madya Datuk Dr. Kasim Hj Md. Mansur berkata kempen derma darah dengan kerjasama Suriagroup dan Sekolah Sains Sosial UMS mampu menanamkan rasa tanggungjawab dalam kalangan pelajar.

Katanya, pihak industri berperanan memberi mesej yang jelas kepada mahasiswa dan mahasiswi UMS khususnya mengenai aktiviti kempen derah yang merupakan satu program yang baik.

“Dengan adanya kempen seperti ini, kita dapat tonjolkansatunilaiyangbaik untuk ditanamkan kepada generasi muda supaya prihatin dan mewujudkan keperimanusian itu sendiri,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Kempen Derma Darah Sekolah Sains Sosial UMS, di sini kelmarin.

Menurutnya, aktiviti ini bukan sahaja dapat membantu dan menyumbang darah kepada bank darah Hospital Queen Elizabeth malah mampu menyelamatkan banyak nyawa.

“Saya harap agar aktiviti ini diteruskan pada masa akan datang dan pada



KASIM (tengah) disertai Fowzi (kiri) dan Inon memotong riben sebagai simbolik perasmian itu.



FOWZI (kanan) menyampaikan cenderahati kepada Kasim.

industri dan agensi yang lain, saya menyeru agar turut serta dan meneruskan usaha seperti ini,” katanya.

Sementara itu, Pengarah Urusan Kumpulan Suriagroup, Datuk Dr. Mohd Fowzi Razi berkata Suriagroup pertama kalinya bekerjasama dengan UMS dalam kempen derma darah.

“Saya amat berbesar hati kerana UMS sedia bekerjasama dalam kempen ini malah penglibatan daripada pelajar pada hari pertama juga amat memberangsangkan,”

katanya.

Jelasnya, program itu bukan sahaja meningkatkan kesedaran kepada pelajar tetapi juga sebagai inisiatif mulia yang perlu diterapkan pada usia muda pelajar.

Dalam pada itu, UMS mensasarkan seramai 200 pelajar untuk menderma darahsempenakempenderma darah yang berlangsung selama dua hari di foyer Sekolah Sains Sosial UMS.

Turut hadir, Dekan Sekolah Sanis Sosial, Prof. Madya Hj. Inon Shaharuddin A.R dan tetamu kehormat yang lain.